

Adakan semula Program Pemutihan

ANTARA isu-isu yang dihubungkan dengan pekerja asing ialah kemasukan mereka secara tidak sah, peluang pekerjaan penduduk tempatan yang semakin berkurangan dan juga masalah sosial yang berlaku dikaitkan dengan mereka.

Dalam pada itu, pekerja-pekerja asing ini juga dikatakan telah mengubah suasana sesuatu tempat kerana mereka memenuhi kota-kota besar setiap kali musim perayaan.

Tidak hairanlah jika ada yang merungut kota-kota besar seperti Kuala Lumpur, Klang dan beberapa lagi seolah-olah kota Jakarta apabila Hari Raya Aidilfitri.

Statistik menunjukkan bahawa 25 peratus daripada tenaga pekerja di Malaysia terdiri daripada warga asing. Ini menunjukkan bahawa lebih dua juta pekerja asing berada dan mencari rezeki termasuk mereka yang masuk ke negara kita secara tidak sah.

Angka ini sangat tinggi dan tidak hairanlah di mana-mana sahaja kita pergi, kita akan menemui pekerja dari kalangan warga Indonesia, India, Myanmar, Bangladesh dan sebagainya.

Apabila kemasukan pekerja asing digembar-gemburkan, sebenarnya kita tidak dapat lari daripada membincangkan soal peluang pekerjaan yang semakin tertutup kepada penduduk tempatan terutama dalam sektor pembinaan dan juga perladangan.

Tidak dinafikan juga bahawa peluang pekerjaan penduduk tempatan semakin menipis dalam bidang kerja sebagai pembantu rumah kerana warga Indonesia dan Filipina sudah menguasainya.

Keadaan ini dikatakan bertolak daripada sikap penduduk tempatan sendiri yang dikatakan terlalu memilih pekerjaan dan tindakan majikan yang lebih gemar menggaji pekerja asing kerana kosnya murah, tidak banyak kerehnan dan sebagainya.

Agak menyedihkan kerana pekerja-pekerja asing sudah menular ke kilang-kilang, kedai makana sehinggalah ke premis-premis perniagaan lain; sebagai pembantu kedai. Tugas ini sebenarnya boleh dipikul oleh penduduk tempatan kerana tidak semua kalangan penduduk tempatan berkelulusan tinggi.

Sebenarnya masih ramai budak lepasan

sekolah menengah, kolej dan universiti di negara kita masih menganggur dan merayau ke sana sini tanpa melakukan sebarang kerja berfaedah.

Golongan inilah yang perlu dibela nasib mereka supaya peningkatan kes jenayah mahupun gejala sosial lain dapat dikurangkan.

Peningkatan

Jika pendatang asing yang masuk ke negara kita secara tidak sah dikaitkan dengan peningkatan kes jenayah, kerana mereka tidak mendapat kerja, ia samalah dengan penduduk tempatan yang alternatifnya terlibat dengan jenayah kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan.

Semua sudah maklum bahawa kebanyakan kes jenayah berkait rapat dengan kemiskinan, desakan hidup dan tiada pekerjaan yang menyebabkan mereka mencari jalan mudah untuk memperoleh kesenangan hidup.

Langkah mudah untuk membendung masalah kemasukan pekerja asing ke negara kita adalah dengan mengadakan

semula Program Pemutihan yang pernah diadakan suatu ketika dahulu.

Program Pemutihan akan dapat membersihkan semula status pekerja asing di negara kita. Jika ramai yang meragui kesahihan taraf pekerja asing di negara ini, adalah lebih baik mereka diperiksa dengan rapi oleh pihak berwajib.

Menghantarkan semula mereka ke negara asal adalah lebih baik daripada kita menanggung pelbagai risiko terutamanya masalah jenayah dan juga peluang pekerjaan penduduk tempatan yang semakin terdesak.

Program Pemutihan juga boleh menentukan siapa sebenarnya yang layak berada di negara kita dan menjalankan tugas yang diperuntukkan kepada mereka.

Di samping itu, mengehadkan pengambilan pekerja asing akan dapat membuka ruang kepada penduduk tempatan memperoleh pekerjaan di tanah air sendiri.

Tidak ada gunanya negara mencapai 50 tahun kemerdekaan jika ada antara kita terpaksa merempat di negara sendiri.